

<http://www.mynewshub.cc/terkini/sultan-selangor-rasmi-bangunan-mesra-alam-pam/>

# MYNEWSHUB

BUKAN BERITA ONLINE BIASA



**PIDATO AN BAHASA M PIALA PERDANA**

Peringkat Awal  
23 - 25 Julai 2017  
RHR Hotel @ Uniten

Pertandingan Akhir  
26 Julai 2017 (Rabu)  
PICS, Putrajaya

MAJLIS BAHASA MELAYU  
MAMPU BERKUALITI  
BERSAMA SAMA

MAJLIS BAHASA MELAYU  
MAMPU BERKUALITI  
BERSAMA SAMA

## Sultan Selangor Rasmi Bangunan Mesra Alam PAM

Published on Jul 19, 2017 — in Terkini

KUALA LUMPUR – Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini berkenan merasmikan bangunan baharu lapan tingkat bernilai RM17.8 juta yang menjadi pusat Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) di Jalan Tandok, Bangsar, di sini.

Pada majlis itu, baginda turut melancarkan buku dokumentari, 'In The Eye Of The Storm', yang merakamkan sejarah perjalanan PAM sehingga berdirinya pusat PAM yang baharu.

Pusat itu, yang berkeluasan 3,782 meter persegi itu, disasarkan menjadi antara bangunan paling mesra alam di bandar raya ini dan memiliki lima ciri penting iaitu mampan, lestari, praktikal, inovasi dan berdaya ekonomi.

Dalam ucapannya, Presiden PAM Ezumi Harzani Ismail berkata bangunan itu bukan sahaja dibina berasaskan aspirasi PAM sebagai pusat reka bentuk termaju dan moden, tetapi ia juga mengutamakan alam sekitar, budaya dan masyarakat.

"Kita mahu memberi inspirasi kepada kepada generasi masa depan untuk menanam impian, mereka bentuk, membina dan menerajui industri pembinaan dengan membina kemudahan seperti pusat PAM ini" katanya.

Katanya pertandingan satu peringkat diadakan pada 2012 bagi reka bentuk pusat baharu itu yang terbuka kepada semua anggota korporat PAM.

Ar. Mohd Heikal Hasan muncul juara dalam pertandingan itu yang disertai 36 peserta selepas menghasilkan satu reka bentuk yang menyediakan penyelesaian efisien untuk kawasan tapak yang terhad. – BERNAMA

